

13/07/1998

Kompleks tandas di setiap negeri

KANGAR, Ahad - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan merancang membina sebuah kompleks tandas awam di setiap negeri membabitkan perbelanjaan kira-kira RM200,000.

Timbalan menteri, Datuk Azmi Khalid, berkata peruntukan bagi tujuan itu telah diluluskan baru-baru ini yang dijangka dapat digunakan tidak lama lagi.

Katanya, bangunan kompleks tandas awam itu mempunyai reka bentuk yang bukan saja cukup menarik malah bercirikan tempatan.

"Ia juga dilengkapi pelbagai kemudahan serta peralatan yang mampu memenuhi kehendak masyarakat tempatan.

"Apa yang menariknya, reka bentuk dan peralatan yang disediakan di kompleks tandas awam ini adalah diseragamkan melainkan dalam beberapa aspek tertentu mengikut kehendak kerajaan negeri atau pihak berkuasa tempatan (PBT) masing-masing," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas penyerahan cek bantu kadar Kerajaan Persekutuan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) di Bilik Mesyuarat Majlis Perbandaran Kangar (MPK) di sini, semalam.

Sempena majlis itu, beliau menyerahkan cek bernilai RM253,976.80 kepada Yang Dipertua MPK, Datuk Johari Mohd Darus.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Khalid Hussain, Timbalannya, Datuk Wan Abu Bakar Wan Teh dan Ketua Pengarah Jabatan Lanskap Negara, Datuk Ismail Ngah.

Azmi juga Ahli Parlimen Padang Besar, berkata mengikut cadangan, bangunan kompleks tandas awam itu akan dibina di kawasan yang menjadi tumpuan ramai termasuk pelancong asing.

Bagaimanapun, katanya, terpulang kepada kerajaan negeri atau PBT untuk menentukan lokasinya dan aspek lain termasuk dari segi pengurusan dan kadar bayaran yang akan dikenakan.

"Selain itu, hampir 100 peratus daripada peralatan dan bahan yang digunakan bagi membina tandas adalah keluaran tempatan," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, walaupun pelbagai kempen dan program bersih dan indah dijalankan, namun tahap kebersihan di kawasan operasi PBT masih tidak begitu membanggakan.

Katanya, ini jelas apabila masih terdapat banyak pandangan buruk diterima termasuk dari pelancong luar negara dan tempatan mengenai imej kebersihan di negara ini.

Malah, perkara ini pernah mendapat reaksi dan teguran secara langsung daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)